



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA

Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan

Educational Resources and Technology Division

Persiaran Bukit Kiara

50604 KUALA LUMPUR

MALAYSIA

Tel : 603-2081 7777

Fax: 603-2081 7788

Ruj. Kami: KPM. 600-8/20/2 Jld 5(76)  
Tarikh: 2 Mei 2024

Pengarah Pendidikan Negeri  
(Seperti Senarai Edaran)

YBhg.Dato'/YBhg.Datuk/YBhg.Datu Dr./YBrs.Dr/Tuan,

**PENGISIAN DATA BACAAN MURID MELALUI ADVANCE INTEGRATED NILAM SYSTEM (AINS)**

Sukacitanya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (BSTP), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menyemarakkan budaya membaca dalam kalangan murid sekolah. Program Galakan Membaca dan Program NILAM yang dilaksanakan di peringkat sekolah merupakan teras penting dalam pendekatan menggalakkan aktiviti membaca dan menyegarkan pembudayaan membaca dalam kalangan murid.
3. Seiring dengan kemajuan teknologi dan Dasar Pendidikan Digital (DPD), Kementerian Pendidikan Malaysia telah meluncurkan Advance Integrated Nilam System (AINS) bagi mengurus rekod pembacaan murid dengan cekap dan berkesan. AINS dibangunkan berasaskan kepada keperluan dan perkembangan teknologi masa kini dengan menyediakan profil pencapaian murid dalam program NILAM secara lengkap.
4. Untuk makluman YBhg.Dato' /YBhg.Datuk/ YBhg.Datu Dr./ YBrs.Dr/ Tuan, AINS dibangunkan untuk memudahkan pihak sekolah terutama guru kelas/GPM/NILAM untuk memantau perekodan bahan bacaan murid. AINS akan diakses oleh murid dengan menggunakan Id DELIMA melalui *single sign on* (SSO) yang telah selaraskan.
5. Sehubungan itu, bahagian ini memohon jasa baik dan kerjasama pihak YBhg.Dato' /YBhg.Datuk/ YBhg.Datu Dr./ YBrs.Dr/ Tuan untuk memaklumkan dan menyebar luas kepada semua Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah di bawah pentadbiran tuan untuk menggunakan sistem AINS.
6. AINS boleh diakses menerusi pautan yang telah diwujudkan melalui platform Delima atau menerusi laman sesawang ains.moe.gov.my. Manual penggunaan dilampirkan bersama-sama surat ini untuk tujuan panduan dan hebahan pihak YBhg.Dato' /YBhg.Datuk/ YBhg.Datu Dr./ YBrs.Dr/ Tuan. Sekiranya terdapat sebarang permasalahan atau cadangan, mohon menghubungi pasukan meja bantuan menerusi profile AINS masing-masing.

7. Semoga sistem ini dapat meningkatkan kelancaran pelaksanaan Program NILAM di sekolah dan seterusnya melestarikan budaya membaca dalam kalangan murid. Kerjasama, perhatian dan sokongan pihak YBhg.Dato' /YBhg.Datuk/ YBhg.Datu Dr./ YBrs.Dr/ Tuan berhubung perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“MALAYSIA MADANI”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(ZAINAL BIN ABAS)**

Pengarah  
Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia

## **Seperti Senarai Edaran:**

1. Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Perlis
2. Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri Kedah
3. Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Pulau Pinang
4. Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri Perak
5. Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Selangor
6. Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan
7. Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Melaka
8. Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri Johor
9. Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Pahang
10. Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu
11. Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan
12. Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
13. Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak
14. Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan WP Kuala Lumpur
15. Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan WP Putrajaya
16. Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan WP Labuan